

MENGENAL TAHAP PENGETAHUAN ZAKAT EMAS PERHIASAN
DALAM KALANGAN WARGA POLITEKNIK
SEBERANG PERAI

- | | |
|--------------|--------------------------------------|
| 10DIB13F1015 | NUR AMIRAH BINTI YUSOP |
| 10DIB13F1031 | INANI SYAMIMI BINTI ROMLI |
| 10DIB13F1033 | MOHAMAD RAZIMAN BIN MOHAMAD SAEDI |
| 10DIB13F1037 | MUHAMMAD HIFZHAN BIN IBRAHIM MUKHTAR |
| 10DIB13F1043 | NUR HAZIMAH BINTI MOHAMED HANIFF |
| 10DIB13F1075 | NURFARAHAIN BINTI ABDUL RAHMAN |

LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI DIPLOMA
KEWANGAN DAN PERBANKAN ISLAM

JABATAN PERDAGANGAN
POLITEKNIK SEBERANG PERAI

PENGHARGAAN

Puji dan syukur dipanjatkan kehadiran Allah SWT, Tuhan Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan Salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat Baginda yang dicintai.

Pertamanya, Alhamdulillah syukur ke atas hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya kami sekumpulan telah diberi kesihatan tubuh badan yang baik untuk menyempurnakan penyelidikan ini dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Di samping itu, di kesempatan ini juga kami merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pensyarah dan staf sokongan di Politeknik Seberang Perai. Khususnya kepada Puan Marjeeha binti Othman, selaku penyelia yang telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar sehingga pengajian ini berakhir dengan jayanya. Terima kasih juga kepada Encik Azhar dan Encik Asyraf selaku pensyarah kursus PB605- 'Business Research' di atas segala bimbingan dan kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh pengajian dengan memberi banyak komen positif dan info berguna bagi penambahbaikkan kajian. Tidak lupa juga, kepada Encik Khairul Azhar bin Zulkifli, *Public Relation Officer* Zakat Pulau Pinang yang sudi meluangkan masa untuk melayan segala pertanyaan dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi sehingga memudahkan segala urusan dibuat tanpa sebarang kesulitan.

Terima kasih juga kepada sahabat-sahabat yang banyak membantu dari pelbagai aspek atas perkongsian ilmu dan pandangan yang amat membantu dalam menjayakan kajian ini. Jasa baik kalian akan dikenang sampai bila-bila. Akhir sekali, kami mengucapkan jutaan terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat di atas sumbangan yang diberikan, iaitu Pihak Politeknik Seberang Perai serta semua yang turut membantu. Tanpa tunjuk ajar yang diberikan mustahil bagi kami sekumpulan untuk menyempurnakan laporan serta kajian ini dengan sebaiknya. Sekian wasalam..

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap pengetahuan tentang zakat emas perhiasan dalam kalangan warga Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tahap pengetahuan, tahap kesedaran dan tahap pendedahan pihak berwajib tentang zakat emas perhiasan. Bagi mencapai objektif kajian, borang soal selidik telah diedarkan kepada 100 responden dan maklum balas dikumpul berkaitan tajuk kajian ini. Kajian ini menggunakan dua (2) jenis sumber data iaitu data primer dan data sekunder. Di bahagian A terdapat soalan-soalan mengenai latar belakang responden, manakala di bahagian B, 30 soalan yang telah dibuat oleh pengkaji di mana soalan mengenai tahap pengetahuan, tahap kesedaran dan tahap pendedahan pihak berwajib tentang zakat emas perhiasan. Merujuk kepada kajian yang telah dijalankan, data yang telah dianalisis adalah dengan menggunakan perisian komputer SPSS (Statistic Package for Social Science) secara keseluruhannya dengan menggunakan kaedah deskriptif, min dan frekuensi. Dapatan kajian menunjukkan min purata tertinggi adalah tahap pengetahuan diikuti oleh tahap kesedaran dan akhir sekali ialah tahap pendedahan pihak berwajib mengenai zakat emas perhiasan. Kesimpulannya, kajian ini diharap dapat memberi kesan yang positif kepada warga Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang supaya ,mereka tidak lupa akan tanggungjawab mereka untuk menunaikan kewajipan membayar zakat kerana ianya merupakan satu tuntutan yang wajib bagi setiap umat islam.

KANDUNGAN	Halaman
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar belakang masalah	1
1.2 Penyataan masalah	2
1.3 Objektif kajian	5
1.4 Persoalan kajian	5
1.5 Skop kajian	6
1.6 Kepentingan kajian	6
1.6.1 Kepentingan kepada pensyarah	6
1.6.2 Kepentingan kepada staf sokongan	7
1.6.3 Kepentingan kepada pengkaji akan datang	7
 1.7 Definisi operasi	7
1.7.1 Pengetahuan	8
1.7.2 Zakat	8
1.7.3 Emas	9
1.7.4 Perhiasan	9
1.7.5 Kesedaran	10

	1.7.6 Pihak Berwajib	10
1.8	Limitasi kajian	10
 BAB II SOROTAN KAJIAN		
2.1	Pengenalan	12
2.2	Tahap pengetahuan mengenai zakat emas perhiasan	13
2.3	Tahap kesedaran warga Politeknik Seberang Perai	15
2.4	Tahap pendedahan pihak berwajib berkaitan pembayaran	16
2.5	Kesimpulan	19
 BAB III METODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pendahuluan	21
3.2	Rekabentuk kajian	22
3.3	Teknik pengumpulan data	23
	3.3.1 Data primer	24
	3.3.2 Data sekunder	24
3.4	Populasi dan persampelan	25
	3.4.1 Populasi	25
	3.4.2 Persampelan	25
3.5	Instrumen kajian	25
	3.5.1 Bahagian A	26
	3.5.2 Bahagian B	26
3.6	Kaedah Penganalisan Data	27
	3.6.1 Kajian Rintis	28
	3.6.2 Analisis kekerapan	28
	3.6.3 Analisis Min	28
3.7	Kesimpulan	29
 BAB IV DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pendahuluan	30
4.2	Analisis kebolehpercayaan data	31
4.3	Dapatan kajian	32

4.3.1	Bahagian A: Latarbelakang responden	32
4.3.2	Bahagian B: Analisis kajian terhadap pengetahuan zakat emas perhiasan dalam kalangan warga Politeknik Seberang Perai	37

BAB V PERBINCANGAN CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	52
5.2	Perbincangan	53
5.2.1	Perbincangan mengenai tahap pengetahuan zakat emas perhiasan (Tahap Pengetahuan)	53
5.2.2	Perbincangan mengenai tahap pengetahuan zakat emas perhiasan (Tahap Kesedaran)	54
5.2.3	Perbincangan mengenai tahap pengetahuan zakat emas perhiasan (Tahap Pendedahan Pihak Berwajib)	56
5.3	Implikasi kajian	57
5.4	Cadangan	60
5.4.1	Cadangan kepada pihak pungutan Zakat	60
5.4.2	Cadangan kepada masyarakat	61
5.4.3	Cadangan kepada pengkaji akan datang	62
5.5	Kesimpulan	62

SENARAI JADUAL

Table No.

halaman

3.5	Skala pemeringkatan likert	27
4.2	Jadual Analisis kebolehpercayaan data	31
4.4	Skala Min Skor	37
4.4.1	Analisis soalan berkaitan tahap pengetahuan zakat emas perhiasan dalam kalangan warga Politeknik Seberang Perai (Tahap Pengetahuan)	38
4..4.2	Analisis soalan berkaitan tahap pengetahuan zakat emas perhiasan dalam kalangan warga Politeknik Seberang Perai (Tahap Kesedaran)	42
4.4.3	Analisis soalan berkaitan tahap pengetahuan zakat emas perhiasan dalam kalangan warga Politeknik Seberang Perai (Tahap Pendedahan Pihak Berwajib)	46

SENARAI RAJAH

No. Rajah

4.3.2	Taburan responden mengikut umur	33
4.3.3	Taburan responden mengikut taraf perkahwinan	34
4.3.4	Taburan responden mengikut jawatan	35
4.3.5	Taburan responden mengikut pendapatan	36

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH

Zakat merupakan salah satu instrumen pembangunan ekonomi Islam secara amnya. Hal ini kerana pensyariatan zakat telah dijelaskan melalui dalil-dalil al-Quran dan as-Sunnah sebagai instrument yang ketiga dalam Rukun Islam. Selain itu, zakat juga merupakan salah satu aspek syariat Islam yang mempunyai hubungkait yang rapat dengan kehidupan manusia. Antaranya adalah untuk menyucikan harta, mengelakkan kemiskinan, membangunkan ekonomi Islam dan lain-lain.

Emas perhiasan merupakan emas yang dipakai oleh wanita sebagai perhiasan sama ada sekali sekala atau secara berterusan. Namun begitu, masih ramai dalam kalangan wanita di Malaysia yang kurang arif mengenai pembayaran zakat emas yang menjadi satu kewajipan atau kecelaruan sama ada emas yang dipakai oleh mereka itu perlu dikenakan zakat ataupun tidak (Utusan Malaysia, 2012

Di Malaysia, kadar uruf yang ditetapkan adalah berbeza mengikut negeri-negeri. Oleh yang demikian, menurut hasil kajian daripada Nor Mohd Faisal Bin Md Ariffin, 2015 penetapan kadar uruf yang berbeza antara negeri-negeri ini telah memberi impak kepada perubahan dalam konteks zakat sebagai kewajipan yang ditetapkan oleh syarak berpandukan Jumhur.

Sementara itu, merujuk kepada Jawatankuasa Uruf Emas Pakai Negeri Pahang, 2008 menyatakan bahawa kesilapan dan ketidak tentuan uruf boleh membawa kepada wujudnya kekeliruan dalam kalangan umat Islam. Di samping itu, hal ini turut boleh menimbulkan kekusutan dalam pentadbiran. Hal ini dapat dilihat di mana masih ramai golongan wanita yang kurang mengetahui uruf emas yang berbeza mengikut negeri (Utusan Malaysia, 2012).

1.2 PENYATAAN MASALAH

Zakat emas perhiasan ini adalah salah satu daripada zakat yang harus dikeluarkan oleh orang yang bernama muslim. Mungkin masih ramai lagi yang tidak sedar akan kewujudan zakat emas perhiasan ini atau mungkin mereka tidak tahu emas perhiasan yang bagaimanakah perlu dikeluarkan zakat. Jadi timbullah pelbagai persoalan di sini atau dalam bahasa mudahnya kurang pengetahuan terhadap zakat emas perhiasan.

Zakat emas dan perak ialah zakat yang dikenakan ke atas beberapa jenis logam berharga iaitu emas dan perak. Kewajipan zakat keatas logam ini dijelaskan dalam firman Allah S.W.T bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman: sesungguhnya banyak diantara peserta-peserta dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (agama Islam), dan ingatlah orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah S.W.T maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.” (Surah at-Taubah: 34)

Amalan zakat di Malaysia khususnya dalam bab menunaikan zakat emas perhiasan ini agak berbeza dengan negara luar. Perbezaan antara adat dan budaya setempat menyebabkan berlakunya perubahan dalam hukum-hukum tertentu. Secara kasarnya kita dapat memahami bahawa, hukum ini diputuskan oleh adat kebiasaan setempat dan syarat-syarat tertentu. Jika dapat diperhatikan perbahasan fuqaha besar hanya membahaskan sama ada zakat emas perhiasan itu wajib atau tidak dizakatkan. Sebahagian ulama mewajibkan manakala sebahagiannya tidak mewajibkan, (Nor Mohd Faisal bin Md. Ariffin, 2015).

Selain itu, berdasarkan perangkaan terkini yang diperoleh daripada Statistik Kutipan Zakat dari portal rasmi Zakat Kedah, Selangor dan Pulau Pinang menunjukkan perbezaan dari segi kutipan zakat emas pada tahun 2013 dan 2014. Berdasarkan statistik kutipan zakat di Negeri Pulau Pinang (RM 79,205.69) menunjukkan peningkatan bilangan pembayar seramai 34 orang. Manakala, kutipan zakat bagi negeri Selangor (RM 75,500) dan Kedah (RM 15,621). Meskipun statistik menunjukkan peningkatan dalam kutipan zakat emas bagi ketiga-tiga buah negeri tersebut, namun begitu masih terdapat masyarakat yang kurang kesedaran terhadap

zakat emas perhiasan kerana peningkatan yang berlaku adalah dalam jumlah yang kecil. (www.zakatpenang.com, www.zakatkedah.com, www.zakatselangor.com)

Datuk Ustazah Siti Nor Bahyah Mahamood juga pernah menyentuh berkenaan dengan zakat emas yang bertajuk “Jangan Abaikan Zakat Emas”. Kewajipan pembayaran zakat emas perhiasan ini merupakan sesuatu yang tidak boleh dipandang remeh atau diabaikan bagi umat Islam. Hal ini kerana golongan wanita pada hari ini kurang peka terhadap pembayaran zakat emas perhiasan padahal, pembayaran zakat emas ini adalah wajib atau mungkin kurang memahami jenis emas perhiasan yang perlu dibayar.

Oleh yang demikian, Datuk Ustazah Siti Nor Bahiyah Mahmood berkata para ulama bersepakat membincangkan bahawa jenis-jenis emas yang perlu dibayar ialah emas yang dipakai, dimana jika pemakaian itu melebihi kadar uruf maka mereka perlu membayar zakat. Seterusnya, emas yang disimpan di mana emas tersebut melebihi nisabnya iaitu 85 gram. Akhir sekali, perak, dimana jika disimpan melebihi nisab 595 gram dan lebih perlulah membayar zakat. Permasalahannya di sini masih timbul kekeliruan dalam kalangan wanita pada masa kini mengenai jenis pembayaran zakat yang harus dikeluarkan oleh mereka.

Berdasarkan kenyataan diatas, maka kajian ini dilakukan untuk mengkaji sejauhmana pengetahuan warga Politeknik Seberang Perai terhadap zakat emas perhiasan. Dalam hal ini, Fiqh al Maiizi (Fiqah setempat di Malaysia) mengambil pendirian iaitu zakat emas perhiasan adalah wajib namun disyaratkan ia wajib menyamai atau melebihi uruf (Utusan Malaysia, 2012). Merujuk kepada pernyataan ini, pengkaji cenderung untuk mengkaji sejauhmana pengetahuan warga Politeknik Seberang Perai mengenai zakat emas perhiasan ini.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian merupakan fokus yang akan dicapai di dalam kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji, kajian yang dijalankan oleh pengkaji berdasarkan beberapa objektif tertentu. Objektif utama pengkaji adalah :

- i. Untuk mengkaji tahap pengetahuan warga Politeknik Seberang Perai terhadap zakat emas perhiasan.
- ii. Untuk mengkaji tahap kesedaran warga Politeknik Seberang Perai terhadap zakat emas perhiasan.
- iii. Untuk mengkaji tahap pendedahan pihak berwajib berkaitan keperluan pembayaran zakat emas perhiasan.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada pernyataan masalah yang telah dikemukakan di atas, pengkaji telah mengemukakan tiga persoalan kajian, iaitu :

- i. Sejauh manakah pengetahuan warga Politeknik Seberang Perai terhadap zakat emas perhiasan?
- ii. Sejauh manakah kesedaran warga Politeknik Seberang Perai terhadap zakat emas perhiasan?
- iii. Sejauh manakah pendedahan pihak berwajib berkaitan keperluan pembayaran zakat emas perhiasan?

1.5 SKOP KAJIAN

Pengkaji memilih Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang untuk melaksanakan kajian ini. Bentuk kajian yang dijalankan adalah dengan mengedar borang soal selidik secara terus kepada responden iaitu warga Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang.

Pengkaji juga meletakkan tiga (3) objektif utama di dalam persoalan kajian. Di samping itu, seramai 100 responden menjawab borang soal selidik yang akan diedarkan.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini adalah penting untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan membayar zakat emas. Di samping itu, kajian ini juga memberi kepentingan kepada pelbagai pihak, antaranya kepada kakitangan Politeknik Seberang Perai, pensyarah-pensyarah Politeknik Seberang Perai dan seterusnya kepada pengkaji akan datang

1.6.1 KEPENTINGAN KEPADA PENSYARAH

Tumpuan utama kajian adalah kepada pensyarah Politeknik Seberang Perai yang memakai barang emas perhiasan. Fokus utama kajian ini kerana timbul kekeliruan dan kecelaruan sama ada emas yang dipakai oleh mereka itu perlu dikenakan zakat ataupun tidak. Selain itu, pembayaran zakat emas perhiasan ini juga dapat menyucikan harta.

1.6.2 KEPENTINGAN KEPADA STAF SOKONGAN

Kajian ini juga diharap dapat memberi sedikit sebanyak manfaat yang berguna kepada staf sokongan itu sendiri untuk memberi pengetahuan yang lebih mendalam mengenai zakat emas perhiasan.

1.6.3 KEPENTINGAN KEPADA PENGKAJI AKAN DATANG

Kajian ini turut memberi kepentingan kepada pengkaji akan datang sebagai rujukan dan garis panduan untuk melakukan kajian yang berkaitan dengan bidang kajian mereka khususnya berkaitan zakat emas perhiasan. Diharap pengkaji akan datang dapat menjadikan kajian ini sebagai rujukan untuk mengkaji dengan lebih mendalam berkaitan dengan zakat emas perhiasan.

1.7 DEFINISI OPERASIONAL

1.7.1 Pengetahuan

Pengetahuan adalah merupakan hasil daripada tahu dan setelah seseorang melakukan penginderaan terhadap objek tertentu. Penginderaan terjadi melalui panca indera manusia, iaitu dari penglihatan, pendengaran, rasa dan haba. Sebahagian besar pengetahuan manusia diperoleh melalui mata dan telinga. Dalam erti lain, pengetahuan adalah pelbagai gejala yang ditemui dan diperoleh manusia melalui pengamatan akal. Pengetahuan muncul ketika seseorang menggunakan akal budinya untuk mengenali benda atau kejadian tertentu yang belum pernah dilihat atau dirasakan sebelumnya. Di dalam kajian ini, objektif yang pertama adalah untuk mengkaji tahap pengetahuan warga Politeknik Seberang Perai mengenai zakat emas perhiasan.

1.7.2 Zakat

Berdasarkan laman sesawang portal Jabatan Zakat Negeri Pulau Pinang, zakat bahasa Arab bermaksud pertambahan. Sementara itu, zakat dari segi bahasa ialah “bersih” dan “suci” manakala menurut istilah pula zakat bermaksud mengeluarkan harta tertentu mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh syarak, dengan kadar tertentu dan diberikan kepada golongan yang tertentu.

Selain itu, menurut Abdul Rahman bin Talib, Penolong Pegawai Zakat Kanan (Pembangunan Asnaf) MUIP zakat merupakan salah satu daripada rukun Islam yang wajib dilaksanakan. Oleh sebab itu, hukum zakat adalah wajib (fardhu) atas setiap muslim yang telah memenuhi syarat-syarat tertentu.

Seterusnya, zakat daripada konteks kajian ini merujuk kepada zakat emas perhiasan yang perlu dikeluarkan oleh golongan umat Islam yang mempunyai emas perhiasan tidak kira emas yang dipakai atau sebagai simpanan yang telah mencukupi haul dan nisab untuk dikenakan zakat.

1.7.3 Emas

Seperti yang tertera di laman sesawang portal Jabatan Zakat Negeri Pulau Pinang, emas adalah logam galian yang berharga kurniaan Allah S.W.T. Ia merupakan hasil bumi yang banyak manfaat kepada manusia dan manusia pula menjadikannya nilai tukaran wang bagi segala sesuatu. Sementara syariat pula mengibaratkan emas sebagai sesuatu kekayaan alam yang hidup dan berkembang. Syarat juga telah mewajibkannya boleh digunakan dalam bentuk wang atau kepingan, cenderamata, ukuran atau perhiasan. Emas menurut konteks kajian ini merupakan emas yang digunakan untuk perhiasan badan wanita sama ada digunakan sekali-sekala atau berterusan.

1.7.4 Perhiasan

Perhiasan menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Keempat, (2007) bermaksud sesuatu yang digunakan untuk berhias atau menghias. Manakala, menurut Mazhab Imam As-Syafie, perhiasan ialah sesuatu yang melebihi (adat) kebiasaan, atau perhiasan yang melebihi batas berlebih-lebihan dan melewati paras kebiasaan. Menurut konteks kajian, perhiasan merujuk kepada emas yang dipakai sebagai perhiasan wanita yang mana ia adalah sesuatu perkara yang diwajibkan zakat apabila telah cukup syarat-syaratnya.

1.7.5 Kesedaran

Kesedaran (atau keinsafan) secara umumnya bererti pemerolehan kebijaksanaan atau pemahaman baru yang membolehkan kejelasan tanggapan. Kesedaran juga bermaksud pencerahan bererti mempunyai kejelasan berdasarkan pemahaman penuh tentang sesuatu. Ia bermakna mempunyai ilmu pengetahuan dan keohanian dan menyebarkan pengetahuan itu. Objektif yang kedua dalam kajian ini adalah, untuk mengkaji tahap kesedaran warga Politeknik Seberang Perai mengenai zakat emas perhiasan.

1.7.6 Pihak Berwajib

Pendedahan bermaksud memaparkan, menampakkan atau memperlihatkan, kegiatan atau proses yang menjadikan seseorang mengetahui atau memahami sesuatu yang dahulunya asing kepadanya. Definisi ini menerangkan pendedahan pihak berwajib iaitu Pusat Zakat sendiri dalam kegiatan mereka atau proses dalam memberi pendedahan mengenai Zakat Emas Perhiasan.

1.8 LIMITASI KAJIAN

Limitasi kajian yang dihadapi oleh pengkaji menghadapi kekangan masa, di mana pengkaji perlu mengurukan masa dengan efisien untuk mengedarkan borang soal selidik, memandangkan waktu pejabat adalah sama seperti waktu perkuliahan. Selain itu, pengkaji menghadapi kesulitan dari segi kewangan untuk menyiapkan kajian yang dijalankan.

Akhir sekali, kekangan dari segi kerjasama yang diberikan oleh warga Politeknik Seberang Perai, di mana kesuntukan masa untuk menjawab borang soal selidik.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 PENGENALAN

Sorotan kajian merupakan kajian pemerhatian, tinjauan kajian dan penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh pengkaji sebelum ini. Kajian-kajian lepas yang dipilih bersesuaian dengan kajian yang sedang dilakukan oleh pengkaji untuk memperoleh data kajian dengan lebih terperinci. Sorotan ini juga dilaksanakan bagi menguatkan lagi kajian pengkaji dengan fakta yang diulas daripada sumber bahan bacaan yang berbeza.

Rujukan daripada kajian-kajian lepas adalah penting di dalam memastikan sesuatu kajian tersusun dan tidak berlaku sebarang pertindihan maklumat yang berlaku sehingga boleh menyebabkan kekeliruan dalam kajian. Pengkaji juga menganalisis kesinambungan dan perkaitan yang wujud melalui bahan bacaan pengkaji seperti buku, jurnal, artikel, internet, dan akhbar dengan skop serta kajian pengkaji di dalam kajian ini agar boleh digunapakai oleh pengkaji masa akan datang yang mengkaji tentang zakat emas perhiasan.

Sorotan kajian ini akan dijalankan untuk melihat dan meringkaskan kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian bab ini bermula seksyen 2.1 yang membincangkan berkaitan sorotan kajian unsur-unsur berkaitan zakat emas perhiasan iaitu pengetahuan. Kemudian diikuti elemen kedua iaitu kesedaran dalam seksyen 2.2, akhirnya 2.3 yang membincangkan unsur ketiga iaitu tahap pendedahan pihak berwajib berkaitan keperluan zakat emas perhiasan.

2.2 TAHAP PENGETAHUAN MENGENAI ZAKAT EMAS PERHIASAN

Menurut Muhsin Nor Paizin, Pegawai Penyelidik, Pusat Pungutan Zakat, (2014) daripada hasil kajian beliau yang bertajuk Zakat ke atas Harta Emas: Amalan dan Perlaksanaan di Malaysia, menyatakan bahawa zakat tidak wajib dikenakan ke atas emas perhiasan wanita, namun ia dikecualikan sekiranya emas perhiasan yang dimiliki oleh seseorang individu itu melebihi daripada kebiasaan yang dipakai oleh wanita-wanita setempat (*uruf*). Sehubungan itu, amat penting untuk mengetahui bagaimana kaedah sebenar yang boleh digunakan untuk mengukur antara kadar normal dan kadar yang dianggap melebihi daripada *uruf* (Nor Mohd Faisal bin Md Ariffin, 2015).

Rentetan daripada hujah di atas, *uruf* boleh didefinisikan sebagai adat atau “pengetahuan” sesuatu masyarakat yang menyebabkan perubahan fiqh di samping merupakan salah satu sumber keputusan Syariat Islam apabila tiadanya teks-teks utama yang tertulis di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah (Hadis) yang dapat menentukan keputusan (Jawatankuasa Kajian Uruf Emas Pakai Negeri Pahang, 2008). Dalam penetapan hukum hakam pula, yang telah jelas hukumnya di dalam syarak melalui al-Quran dan Hadis *uruf* tidak digunakan malah *uruf* juga tidak boleh